



KERATAN AKHBAR

| | | | |
|--------------|---|---------------------|-----------------|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | |
| TARIKH | : | 5/9/2019 | MUKA SURAT : 79 |
| JABATAN | : | SPAN / AIR SELANGOR | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | |

Ladang babi curi air enam tahun

Pusat ternakan di Tanjung Sepat guna sambungan secara haram

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Banting: Selepas enam tahun beroperasi menggunakan bekalan air daripada sambungan haram, sebuah ladang babi di Kampung Tumbuk Pantai, Tanjung Sepat, di sini, dikenakan tindakan, semalam.

Perbuatan pemilik ladang itu dikesan selepas beroperasi seperti biasa, biarpun tidak memohon sambungan semula selepas bekalan air dipotong pada 17 Mei lalu atau menjelaskan bil tertunggak, menyebabkan timbul kecurigaan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) sebelum membuat aduan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Pengarah Unit Komunikasi dan Hal Ehwal Pengguna SPAN, Mohd Fadzil Ismail, berkata sebaik menerima laporan kes kecurian air

itu, pihaknya dengan kerjasama Air Selangor mengadakan operasi penguatkuasaan secara mengejut ke ladang terbabit, semalam.

Pemeriksaan dijalankan mendapati ladang ternakan itu melakukan penyambungan secara terus tanpa melalui meter air daripada paip utama dengan menggunakan dua paip berukuran 25 milimeter (mm), untuk aktiviti harian mereka di ladang ternakan babi dan kegunaan pekerja ladang.

"Selepas bekalan dipotong, kami yakin ada keperluan mendesak untuk kegunaan semasa, jadi mereka membuat sambungan tidak sah bagi menampung keperluan itu," katanya pada sidang media selepas operasi terbabit di sini, semalam.

Operasi bermula jam 9 pagi diketuai beliau itu turut disertai Penolong Naib Presiden Pengurusan Kes Seksyen Pengangkutan Air Selangor, Nasir Othman dan 22 kakitangan SPAN serta Air Selangor, bagi mencari sumber sambungan haram, seterusnya memotong bekalan air pada jam 2 petang semalam.

Mohd Fadzil berkata, siasatan rekod mendapati premis itu pernah mempunyai dua akaun be-



Fadzil (tengah) menunjukkan penyambungan bekalan air tidak sah ladang ternakan babi ketika operasi penguatkuasaan di Tanjung Sepat, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

kalan air berdaftar dengan Air Selangor, tetapi satu daripadanya ditamatkan pada 17 Mei lalu kerana kegagalan pemegang akaun membayar caj tunggakan, yang juga kesalahan mengikut Seksyen 123(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Katanya, mengikut peruntukan undang-undang Seksyen 123(1) Akta Industri Perkhidmatan Air

2006 (Akta 655), tiada seorang pun selain pemegang lesen boleh membuat apa-apa sambungan ke suatu sesalur utama awam atau paip air perkhidmatan.

"Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi setahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 123(3) akta sama," katanya.

Katanya, mereka perlu membayar jumlah kerugian ditanggung Air Selangor selain bertindakan mahkamah.

"Jumlah kerugian air ditanggung Air Selangor sejak Mei lalu hingga dipotong, dianggarkan bernilai RM110,000, manakala SPAN akan membawa kes ini ke mahkamah mengikut akta disebutkan itu," katanya.